

**BERITA ONLINE**  
**UTUSAN BORNEO ONLINE**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2022**



Kerajaan negeri menyokong inisiatif SAYAP



© 2022-12-03T12:22:16+08:00



Mula Berdagang CFD pada **Kripto**  
dengan Bonus **\$50**

Modal awal dan risiko. \*Terbatas T&C.

**Buka Akun**

HAJJI

**KOTA KINABALU:** Pembentukan Yayasan Usahawan Muda dan Profesional Sabah atau Sabah Young Entrepreneurs and Professionals Foundation (SAYAP) selari dengan aspirasi kerajaan negeri untuk membina modal insan berkualiti menerusi inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, beliau gembira SAYAP dianggotai golongan usahawan dan profesional dari pelbagai sektor seperti minyak

dan gas, teknologi digital, ekonomi, kewangan, perubatan, pembinaan, arkitek, kakitangan awam muda dan banyak lagi.

"Kebanyakkan anda telah berjaya dan saya menyokong penuh penubuhan SAYAP sebagai kumpulan bebas yang akan menyumbang kepada pembangunan Sabah, tahniah diucapkan," katanya ketika melancarkan SAYAP di sini, hari ini.

Teks ucapannya disampaikan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Dalam pada itu, Hajiji juga kagum dengan inisiatif berkenaan yang diilhamkan oleh sekumpulan golongan muda dari negeri ini yang baharu selesai belajar dan bekerja dari luar negara.

Katanya, golongan berkenaan mahu secara sukarela menyumbang dan menyertai pembangunan di Sabah.

"Saya memuji dan menyokong inisiatif SAYAP, saya juga gembira apabila SAYAP berhasrat untuk menjadi jambatan diantara agensi kerajaan negeri dengan kepelbagaian sektor swasta dan industri, pada masa yang sama menyokong Hala Tuju SMJ.

"Saya mahu mendengar daripada SAYAP dan semua golongan muda Sabah seterusnya menyediakan platform kepada anda semua untuk memperkasakan rakan usahawan serta profesional yang lain untuk membangunkan negeri ini," katanya.

Hajiji berkata, Sabah mempunyai populasi kedua terbesar di Malaysia sekali gus mempunyai bakat serta potensi pelanggan yang ramai.

"Kerajaan negeri mengambil maklum isu-isu utama di Sabah dan saya juga menegaskan untuk mengutamakan kepentingan modal insan, perkara ini juga termasuk dalam pelan pembangunan Hala Tuju SMJ.

"Kita komited untuk mengatasi masalah yang wujud dan membina kekuatan serta kemahiran menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan," katanya.

Hajiji yang juga Menteri Kewangan berkata, sejumlah RM175.61 juta telah diperuntukan pada tahun hadapan untuk pembangunan modal insan serta Teknologi

Maklumat dan Komunikasi (ICT), menerusi pelbagai inisiatif untuk menarik minat pelajar-pelajar dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, peruntukan itu juga digunakan untuk merapatkan jurang digital di kawasan pedalaman seterusnya meluaskan liputan digital sekali gus memperkasakan transformasi digital di Sabah.

Menurutnya, pembangunan ICT di Sabah juga akan diutamakan serta Pusat Teknologi dan Kemahiran negeri akan memperkenalkan inisiatif untuk membangun dan menyokong pemerkasaan industri digital, pada masa yang sama meneruskan latihan teknologi Revolusi Industri 4.0 sepanjang tahun hadapan.

Katanya, pada masa yang sama Pusat Kreatif Ekonomi Dan Inovasi Sabah akan meneruskan programnya untuk memastikan bakat modal insan Sabah akan terus dipertingkatkan.

Hajiji berkata, pencapaian lain dalam pembangunan modal insan Sabah adalah perjanjian memorandum persefahaman (MoU) diantara Universiti Teknologi Pertronas bersama Universiti Kolej Yayasan Sabah (UCSF) pada Oktober lepas.

Menerusi kerjasama ini katanya, UCSF akan menawarkan kursus minyak dan gas di kampusnya untuk melahirkan lebih ramai pelajar tempatan dipelbagai sektor berkenaan.